

**PERANAN EJEN KERAJAAN INDIA DALAM KEMAJUAN PENDIDIKAN
TAMIL DI TANAH MELAYU, 1922-1941**

**THE ROLE OF INDIAN GOVERNMENT AGENTS IN THE ADVANCEMENT
OF TAMIL EDUCATION IN MALAYA, 1922-1941**

M. Utaman a/l Raman*
Sivachandralingam Sundara Raja**
Universiti Malaya (UM)

Abstrak

Artikel ini akan membincangkan peranan yang dimainkan oleh Ejen Kerajaan India dalam kemajuan sekolah Tamil di Tanah Melayu antara 1922-1941. Ejen Kerajaan India adalah mereka yang dilantik oleh Gabenor-Jeneral British di India mengikut Seksyen 7, *Indian Emigration Act 1922* untuk melindungi masyarakat India di luar negara India. Dalam tempoh masa ini, seramai enam orang Ejen Kerajaan India telah dilantik dan mereka adalah D. Arulanandam Pillai, R. Subbaya Naidu, M. Kunhiraman Nair, K.A.Mukundan, C.S. Venkatachar dan Subimal Dutt. Artikel ini bermula dengan pengisahan sejarah awal sekolah Tamil di Tanah Melayu sebelum dan selepas abad ke-20. Perkembangan pendidikan Tamil dapat dikesan menerusi 4 jenis sekolah Tamil iaitu sekolah Tamil mubaligh, sekolah Tamil jawatankuasa, sekolah Tamil kerajaan dan sekolah Tamil estet. Di samping itu, kepentingan Kod Buruh dan pandangan beberapa pegawai atasan berkaitan penubuhan sekolah Tamil turut dinilai. Seterusnya, masalah guru, buku teks, pentadbiran dan pengurusan sekolah Tamil turut dikupas. Kehadiran Ejen Kerajaan India telah memberi harapan kepada kemajuan sekolah Tamil dan pendidikan Tamil di Tanah Melayu. Secara tuntasnya artikel ini mengkaji peranan Ejen Kerajaan India dalam menangani masalah yang dihadapi oleh sekolah Tamil dan usaha mereka dalam memajukan pendidikan Tamil.

Kata kunci: Ejen India, Sekolah Tamil, Pendidikan Tamil, Kod Buruh

Abstract

This article will discuss the role played by the Indian Government Agents in the progress of Tamil schools in Malaya between 1922 and 1941. The Agents were those who were appointed by the Governor-General of India under Section 7 of the Indian Emigration Act 1922 to protect the Indians outside India. A total of six Agents were appointed, namely D. Arulanandam Pillai, R. Subbaya Naidu, M. Kunhiraman Nair, K.A. Mukundan and Subimal Dutt. The article begins with the early history of Tamil schools in Malaya before and after the 20th century. The development of Tamil education is traced to the establishment of four types of schools, namely Tamil missionary school, Tamil committee school, government school and estate school. In addition to this, the importance of the Labour Code and the views of high-rank officials are also evaluated. Subsequently, problems relating to teachers, textbooks, facilities, administration and management are also studied in the article. The presence of Indian Agents offered hope to the development of Tamil schools and Tamil education in Malaya. In short, this article examines the role of the Agents of the Government of India in finding solutions to problems affecting Tamil schools and their efforts in developing Tamil education.

Keywords: Indian Agents, Tamil school, Tamil Education, Labour Code

Pengenalan

Ejen kerajaan India merupakan wakil yang dilantik oleh Gabenor-Jeneral British di India mengikut Seksyen 7, *Indian Emigration Act 1922* untuk melindungi masyarakat India di luar India. Klausa (2), (3) dan (4), seksyen 56, *Indian Emigration Rules 1923* telah menggariskan tugas dan tanggungjawab ejen. Antaranya adalah mengadakan lawatan ke tempat-tempat buruh India bekerja; menyiasat masalah masyarakat India seperti masalah penempatan, tenaga buruh dan pendidikan Tamil; mengumpul maklumat berkaitan masyarakat India; memberi nasihat dan pendedahan undang-undang; mengadakan perbincangan dengan Gabenor-Jeneral tentang permasalahan masyarakat India dan menyediakan laporan untuk diserahkan kepada kerajaan British di Tanah Melayu. Tugas dan tanggungjawab ejen turut termaktub dalam Seksyen 73 (III), kod buruh 1923 yang digubal bersandarkan *Indian Emigration Act 1922*.

Ejen Kerajaan India yang dilantik merupakan pegawai tinggi kerajaan British India yang berkhidmat di *Madras Provincial Civil Service* (kakitangan awam). Mereka pernah berkhidmat di Jabatan Pelajaran, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Tanah dan Jabatan Luar Negeri. Di Tanah Melayu, seramai enam orang telah dilantik menjadi ejen kerajaan India. Mereka telah berkhidmat di Tanah Melayu dari tahun 1923 sehingga tahun 1942. Perlu diberi perhatian bahawa ejen ini merupakan kakitangan kerajaan British di India. Berikut adalah senarai ejen-ejen yang telah berkhidmat di Tanah Melayu. Dari 1922-1942, seramai enam orang Ejen Kerajaan India telah dilantik, iaitu D. Arulanandam Pillai (1923), R. Subbaya Naidu (1926), M. Kunhiraman Nair (1930), K.A. Mukundan (1933), C.S. Venkatachar (1937) dan Subimal Dutt (1941).

Semasa ejen-ejen ini berkhidmat di Tanah Melayu mereka telah menyediakan laporan tentang keadaan sosioekonomi masyarakat India dari tahun 1922 sehingga 1942. Laporan terperinci disediakan oleh ejen berdasarkan data yang dikumpulkan daripada hasil lawatan, pemerhatian dan temu bual dengan masyarakat India. Laporan tersebut kemudiannya di hantar kepada pihak British untuk tindakan selanjutnya. Apabila diteliti laporan yang ditulis oleh ejen, empat isu dilihat menjadi tunjang kepada permasalahan orang India di Tanah Melayu ialah penempatan, tenaga buruh, pendidikan Tamil dan kesihatan. Walaupun isu-isu ini adalah sangat serius pada masa itu, pihak British dilihat kurang mengambil berat terhadap isu yang dinyatakan.

Antara isu yang menarik perhatian adalah tentang pendidikan Tamil. Pada tahun 1937, terdapat 720 buah sekolah Tamil. Kebanyakan Sekolah Tamil terletak di ladang-ladang getah. Kekurangan guru-guru terlatih, kemudahan infrastruktur yang daif dan sumber kewangan yang terhad dilihat telah mengganggu proses pembelajaran pendidikan Tamil di sekolah yang dinyatakan.¹ Namun, didapati keadaan dan kedudukan sekolah Tamil terutamanya sekolah Tamil estet tidak mendapat perhatian dan pengawasan yang rapi daripada pihak British. Artikel ini akan membincangkan peranan ejen Kerajaan India dalam kemajuan pendidikan Tamil di Tanah Melayu dari tahun 1922 hingga 1942. Perbincangan dimulakan dengan sejarah awal sekolah Tamil di Tanah Melayu sebelum dan selepas abad ke-20. Seterusnya, sejarah perkembangan 4 jenis sekolah Tamil yang ditubuhkan di Tanah Melayu iaitu sekolah Tamil mubaligh, sekolah Tamil jawatankuasa, sekolah Tamil kerajaan dan sekolah Tamil estet akan dikupas. Penulisan juga mengambil kira kepentingan Kod Buruh dan pandangan beberapa pegawai atasan berkenaan penubuhan sekolah Tamil. Seterusnya, masalah guru, buku teks, kemudahan dan masalah pentadbiran dan pengurusan sekolah Tamil estet turut dikupas. Secara ringkasnya, artikel ini mengkaji peranan Ejen Kerajaan India dalam menangani masalah pendidikan Tamil dan usaha mereka dalam memajukan pendidikan Tamil.

Perkembangan Sekolah Tamil Sebelum Abad ke-20

Thinnai Palli

Sejarah perkembangan sekolah Tamil di Tanah Melayu dapat dikesan di negeri Melaka sebelum tahun 1800 dengan nama *Thinnai Palli*. *Thinnai* bermaksud kaki lima manakala *Palli* bermaksud sekolah.² Sekolah jenis tidak formal ini dijalankan secara persendirian dan tidak mempunyai bangunan khas bagi aktiviti pembelajaran. Pelajar diajar di hadapan rumah kediaman guru, rumah peniaga Tamil di Melaka dan kadangkala di hadapan rumah pelajar. Guru pula terdiri daripada orang Brahmin atau *prohita* kuil (*priest* /Imam di kuil Hindu) dan juga sesiapa yang fasih membaca dan menulis.³ Ketiadaan sistem pendidikan formal menyebabkan buku-buku yang digunakan bagi tujuan pengajaran adalah tidak banyak dan biasanya dibawa dari India. Murid-murid pula menggunakan kaedah menulis di atas pasir dengan menggunakan jari bagi mempelajari pendidikan asas. Selepas mempelajari abjad dan tulisan, mereka diberi daun lontar untuk menulis menggunakan *eluthaani*.⁴ Secara kebiasaannya pengajaran dijalankan pada waktu malam dan diubah suai mengikut kehendak guru.⁵

Sekolah Estet Awal

Sekolah Tamil estet tidak formal ditubuhkan sejajar dengan perkembangan ladang kopi, kelapa dan getah setelah kemasukan buruh India. Pada mulanya, sekolah Tamil estet di bawah penyeliaan kerajaan British telah beroperasi di Seberang Prai bagi menyediakan pendidikan asas kepada anak-anak pekerja ladang tebu. Menjelang tahun 1870-an, sekolah-sekolah kecil beraliran Tamil mula beroperasi di ladang-ladang di Seberang Prai, Melaka, Butterworth dan Johor serta mula berkembang di kebanyakan estet di Tanah Melayu.⁶ Kemudian, sekolah estet di Seberang Prai berubah aliran kepada Anglo-vernakular. Ini kerana pengurusan sekolah berpendapat pendidikan Tamil sahaja tidak mencukupi bagi perkembangan pendidikan anak-anak buruh.⁷ Oleh itu, mereka diwajibkan mempelajari Bahasa Inggeris setelah lulus darjah dua dalam aliran Tamil. Namun begitu, dasar ini gagal kerana murid-murid tidak dapat menguasai bahasa ibunda mereka.⁸ Mulai tahun 1879, penyelia sekolah India mencadangkan kanak-kanak di ladang hanya harus mengikuti sekolah beraliran Tamil.

Sekolah Mubaligh

Sekolah mubaligh merupakan jenis sekolah formal awal yang ditubuhkan di Tanah Melayu pada abad ke-19. Kelas bahasa Tamil secara formal dimulakan di Penang Free School pada 22 Oktober 1816 dan diasaskan oleh Reverend R.S. Hutchings dari gereja Anglican.⁹ Berikutan itu, sekolah Tamil formal dibuka di Negeri-negeri Selat (NNS) oleh badan mubaligh Kristian pada suku pertama abad ke-19. Di Melaka, sekolah Anglo-Tamil ditubuhkan sekitar tahun 1850.¹⁰ Sejak tahun 1850, beberapa sekolah Tamil turut dibuka di Seberang Prai dan Johor oleh badan-badan mubaligh seperti Ladies Bible dan Tract Society dan Persatuan Penyebaran Kekristianan.¹¹

Namun demikian, dasar British terhadap pendidikan Tamil di Tanah Melayu sebelum tahun 1900 tidak jelas kerana ketiadaan seksyen yang menjelaskan sukatan pelajaran bagi sekolah Tamil dalam Kod Pendidikan 1874.¹² Dalam pada itu, laporan tahunan NNS tahun 1890 menyatakan bahawa sekolah Tamil telah digabungkan dengan sekolah Inggeris. Walaupun terdapat bahagian dalam Kod Pendidikan yang menggalakkan pihak mubaligh Kristian menubuhkan sekolah Tamil tetapi pada awalnya mereka tidak mendapat sokongan daripada kerajaan Tanah Melayu. Penglibatan kerajaan adalah setakat menjalankan beberapa siri lawatan dan memuji usaha para mubaligh Kristian.¹³

Dalam hal ini, para mubaligh dari Ceylon memainkan peranan penting dalam pembangunan sekolah Tamil. Antara mereka yang terkenal ialah Reverend Samuel

Thambo Abraham dari Jaffna yang membantu pembukaan gereja Tamil di Jalan Malacca. Beliau juga menubuhkan Sekolah Anglo-Tamil di Kuala Lumpur pada tahun 1896. Pada tahun 1902, kedua-dua sekolah tersebut bergabung untuk membentuk Methodist Boys School dan Reverend Abraham berkhidmat sebagai guru besar yang pertama.¹⁴ Pada tahun 1900, sebuah tabung bagi pendidikan Tamil telah disediakan sebagai langkah awal. Ini termasuk memberi bantuan kewangan bagi penubuhan sekolah Anglo-Tamil oleh mubaligh Kristian.¹⁵

Dengan bantuan ini, sebuah sekolah Tamil serta tiga buah sekolah Anglo-Tamil ditubuhkan di Perak.¹⁶ Dalam masa yang sama, sebuah sekolah Tamil di Negeri Sembilan dan sebuah sekolah Anglo-Tamil di negeri Selangor dengan jumlah murid 200 orang telah beroperasi.¹⁷ Terdapat tiga belas buah sekolah kerajaan dan 4 buah sekolah swasta (mubaligh Kristian) di NNMB pada tahun 1905. Namun demikian, jumlah sekolah Tamil yang ditubuhkan tidak memadai dengan jumlah kanak-kanak kerana kerajaan tidak menyediakan peruntukan yang cukup bagi proses pembinaan sekolah.¹⁸ Selain mubaligh Kristian terdapat juga mubaligh Hindu yang menubuhkan sebuah sekolah bernama Tamil Vivekananda pada tahun 1914 di Kuala Lumpur.¹⁹

Perkembangan Sekolah Tamil Abad ke-20

Perkembangan industri getah secara drastik sejak awal abad ke-20 telah menggalakkan pemodal Eropah melabur dalam industri getah secara besar-besaran.²⁰ Pekerja dari India selatan dan Sri Lanka telah direkrut secara besar-besaran untuk bekerja sebagai buruh di ladang getah.²¹ Pada tahun 1901, dianggarkan seramai 45,000 buruh India bekerja di Tanah Melayu dengan bilangan anak seramai 7,000 orang yang berumur 15 tahun dan ke bawah.²² Peningkatan bilangan anak-anak buruh India menyebabkan pihak British terpaksa menyediakan pendidikan asas formal. Walau bagaimanapun, beberapa pegawai atasan British seperti J. Driver (nazir sekolah di NNMB) dan W.H. Treacher (Residen Selangor) tidak setuju dengan keputusan kerajaan dalam memberikan peruntukan kewangan bagi mendirikan sekolah Tamil kerana mereka berpendapat pendidikan kepada anak-anak buruh bukan tanggungjawab kerajaan.²³ Misalnya, W.H. Treacher mengutarakan pendapatnya dalam laporan pada tahun 1901 seperti berikut:

”It is not the proper policy for the Government to undertake the education of the alien, temporary education in their own language,”²⁴

J.M. Driver pula mengemukakan cadangan membuka sekolah berasaskan industri bagi kanak-kanak Tamil. Beliau turut mengusulkan penubuhan sekolah yang menggunakan Bahasa Tamil dan Bahasa Melayu. Namun, cadangan beliau tidak mendapat persetujuan daripada Persidangan Residen pada 18 Julai 1902.²⁵ Sebaliknya, kerajaan mengambil keputusan untuk menubuhkan sekolah Tamil mulai tahun 1905 terutamanya di NNMB. Keputusan ini juga menjadi salah satu sebab untuk menggalakkan kemasukan lebih ramai buruh India ke Tanah Melayu.

Kod Buruh dan Sekolah Tamil Estet

Pada tahun 1912, Kod Buruh telah dirangka dan beberapa perkara berkaitan kebajikan dan hal ehwal buruh telah diambil kira. Pendidikan kanak-kanak India turut termaktub dalam Kod Buruh 1912.²⁶ Misalnya, Kod ini memberikan kebenaran kepada pengurusan ladang getah untuk menubuhkan sekolah Tamil jika terdapat lebih daripada 10 orang murid yang berumur 7 hingga 14 tahun.²⁷ Waktu pembelajaran diwajibkan selama 4 jam dan sekolah petang beroperasi khas untuk pelajar yang bekerja pada

waktu pagi.²⁸ Waktu persekolahan petang pula bermula dari pukul 3 hingga 6 petang. Kanak-kanak yang dihantar untuk bekerja pada waktu pagi diwajibkan menghadiri sekolah pada waktu petang.²⁹ Walaupun begitu, peladang kurang menitikberatkan jaminan bagi sekolah estet dan pihak kerajaan juga tidak begitu melibatkan diri dalam menyediakan kemudahan pendidikan kepada pelajar India.

Berikutan desakan daripada Kerajaan India, kerajaan NNMB terpaksa memperbaharui Kod Buruh 1912 dan memperkenalkan Kod Buruh 1923 (dipinda). Dalam Kod Buruh yang dipinda, penubuhan sekolah wajib dilaksanakan oleh pengurusan ladang.³⁰ Misalnya, Kod Buruh 1923 merangkumi perkara-perkara baharu yang dicatatkan oleh Akta Emigrasi Kerajaan India 1922.³¹ Menurut Akta ini, majikan perindustrian getah harus menyediakan sekolah jika terdapat lebih daripada 10 orang kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan 7 hingga 14 tahun. Selain itu, segala perbelanjaan bagi pembinaan dan perjalanan sekolah harus ditanggung oleh majikan.³² Sejurus itu, banyak sekolah Tamil didirikan di estet dengan menggunakan bangunan lama sebagai tempat pembelajaran.³³

Sekolah Tamil Kerajaan

Penubuhan Kod Buruh 1923 juga menjadi pemangkin kepada penubuhan sekolah Tamil kerajaan. Sekolah Tamil Kerajaan atau *Government Tamil School* ditubuhkan bagi anak-anak pekerja yang bekerja di sektor kerajaan misalnya di Jabatan Kereta Api, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Sanitari.³⁴ Sekolah kerajaan Tamil ini adalah percuma dan biasanya terletak di kawasan bandar. Operasi sekolah kerajaan secara lazimnya adalah lebih efisien dengan bantuan kewangan dan pengawasan berkala daripada pihak kerajaan. Antara sekolah Tamil kerajaan yang terkenal pada ketika itu ialah Sekolah Tamil Kerajaan Bangsar Road di Kuala Lumpur yang didirikan untuk anak-anak pekerja Jabatan Kereta Api.³⁵ Dari segi prasarana, sekolah kerajaan tidak menghadapi masalah dalam pembinaan bangunan sekolah dan kebanyakan bangunan sekolah adalah dalam keadaan yang memuaskan. Namun, gaji guru-guru sekolah kerajaan adalah tinggi berbanding sekolah jenis lain kerana gaji dibayar oleh kerajaan.³⁶

Sekolah Jawatankuasa (Committee School)

Sekolah jenis jawatankuasa dijalankan di sebuah bilik darjah oleh seorang guru di kawasan perumahan pekerja yang dipanggil sebagai *coolie-line* atau *labour quarters* yang tidak mempunyai kemudahan yang lengkap.³⁷ Pada abad ke-20, sekolah jenis ini didirikan atas usahasama jawatankuasa yang terdiri daripada individu dan pertubuhan persendirian yang memberi tumpuan kepada sosioekonomi masyarakat India di Tanah Melayu. Sekolah seperti ini biasanya terletak di kawasan bandar dan wang dipungut daripada penduduk India bagi membiayai aktiviti penyelenggaraan sekolah.³⁸

Pada tahun 1906, Sekolah Tamil Thamboosamy dibuka di Sentul oleh individu bernama Rajasooria. Selain itu, Swami Attmaram, seorang pengikut wali Appar, menubuhkan Persatuan Appar Sevai Sangam dan menerusi persatuan tersebut beliau menubuhkan Sekolah Tamil Appar di Kuala Lumpur pada 29 Januari 1937.³⁹ Sekolah tersebut dibina dengan perbelanjaan sebanyak \$2000 dan telah dirasmikan oleh C. G. Soling iaitu nazir sekolah pada ketika itu.⁴⁰ Tambahan lagi, Persatuan Perkhidmatan Appar telah membina sebuah asrama untuk anak yatim yang belajar di sekolah Tamil Sarojini Devi, Jalan Batu, Sentul Pasar, Kuala Lumpur. Persatuan ini

telah turut membina sebuah sekolah vokasional keluasan 20 ekar di Jalan Sungai Tua, Kuala Lumpur.⁴¹

Sekolah Tamil Saraswathy di Kuala Lumpur juga merupakan antara sekolah jenis jawatankuasa yang ditubuhkan dengan bantuan Swami Attmaram. Sekolah ini ditutup untuk seketika dan dibuka semula pada tahun 1936 dengan jumlah pelajar 43 orang.⁴² Sekolah Tamil Saraswathy di Batu Gajah pula dibuka pada bulan Februari 1937. Mereka yang bertanggungjawab bagi penubuhannya ialah S. Samuel, S. Gurusamy, R. Kanthavan, V. Arunasalam dan M.A.R. Arumugam Chettiar. Pembukaan sekolah di Batu Gajah ini memberi peluang pendidikan kepada anak-anak daripada keluarga buruh miskin sekitar Batu Gajah untuk menghadiri sekolah Tamil.⁴³

Sekolah Tamil Estet dan Masalah dalam Pengeoperasian

Walaupun penggubalan Kod Buruh 1923 mewajibkan setiap majikan estet menubuhkan sekolah bagi anak-anak buruh estet, hanya beberapa estet besar yang mampu mendirikan bangunan khas bagi sekolah estet. Dalam hal ini, kebanyakan bangunan sekolah berada dalam keadaan yang buruk. Walaupun begitu, bilangan pelajar India tertinggi tercatat di sekolah estet kerana wujudnya komposisi komuniti India yang ramai di kawasan tersebut. Guru-guru pula biasanya terdiri daripada kangani, pembantu perubatan ataupun kerani. Di beberapa estet, terdapat juga guru khas ditempatkan untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Selain sekolah Tamil, wujud juga beberapa sekolah Telugu dan Malayalam di estet. Berikut merupakan bilangan sekolah vernakular India di estet Negeri-negeri Melayu Bersekutu setakat tahun 1932.

Jadual 1: Sekolah Vernakular India di estet-estet Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Bagi Tahun 1932

Negeri	Bilangan Sekolah Bantuan Kerajaan	Bilangan Sekolah Bukan Bantuan Kerajaan
Negeri Sembilan	26	9
Pahang	7	-
Perak	59	48
Selangor	91	29
Jumlah	183	86

Sumber: *Annual Report of the Labour Department*, Kuala Lumpur Federated Malay States Press, 1933, hlm. 62.

Peningkatan dalam bilangan sekolah Tamil dalam masa 9 tahun adalah berikutan penggubalan Kod Buruh 1923. Sekolah-sekolah ini terdiri daripada sekolah beraliran Tamil, Telugu dan Malayalam dan kebanyakannya terletak di kawasan estet NNMB. Bilangan sekolah bantuan kerajaan adalah tinggi di setiap negeri berbanding sekolah bukan bantuan kerajaan. Namun, jadual ini juga mendedahkan ketiadaan sekolah vernakular kerajaan di keseluruhan estet NNMB pada tahun 1932. Jadual berikut menunjukkan bilangan sekolah Tamil, bilangan guru dan jumlah bantuan yang diterima pada tahun 1940.

Jadual 2: Bilangan Sekolah Tamil, Murid, Guru dan Jumlah Bantuan yang Diterima Pada Tahun 1940

	Sekolah kerajaan, bantuan dan swasta			Jumlah sekolah yang diberi bantuan	
	Bilangan	Murid	Guru	Bilangan	Jumlah \$
NNS					
Estet	49	1,797	65	43	14,187
Mission	10	883	30	6	3,904
Swasta	16	735	29	6	2,517
Jumlah	75	3,415	125	55	20,608
NNMB					
Kerajaan	17	1,544	55	-	-
Estet	503	18,412	619	419	130,002
Mission	19	1,324	49	15	7,812
Swasta	41	2,247	85	29	11,586
Jumlah	580	23,527	809	463	149,400
NNMTB					
Johor					
Kerajaan	1	} 5,020		} 134	} 34,135
Estet	(a)134				
Mission	(b)13				
Swasta					
Kedah					
Bantuan	64	} 3,021		} 64	} 10,200
B.Bantuan	28				
Kelantan					
Bantuan	9	264		} 9	} 200
B.Bantuan	1				
Perlis					
Kerajaan	1	} 57		} 2	} 320
Estet	2				
Trengganu					
Jumlah	908	8,362		737	214,863
Ringkasan					
i)	19			} 671	} (c)189,044
Kerajaan	790				
ii) Estet	} 99				
iii)					
Mission					
iv) Swasta					
	908			737	214,863

Sumber: Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the year 1940, Delhi: Manager of Publications, 1941, hlm. 33.

Berdasarkan Jadual 2, secara jelas menunjukkan di NNS langsung tidak terdapat pembinaan sekolah Tamil Kerajaan sehingga tahun 1940. Jadual ini turut menjelaskan sekolah Telugu dan Malayalam terdapat di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB). Secara keseluruhannya, sekolah Tamil estet mewakili bilangan sekolah yang banyak dari tahun 1930-an hingga 1940. Walaupun begitu, sekolah Tamil estet menghadapi pelbagai masalah seperti kekurangan penglibatan kerajaan, masalah berkaitan dengan guru, buku teks, kekurangan kemudahan sekolah Tamil daripada jenis sekolah Tamil lain.

Penglibatan Kerajaan dalam Isu Peruntukan Sekolah Tamil

Pada bulan April 1932, Sir George Maxwell, bekas Ketua Setiausaha kerajaan NNMB telah mengemukakan saranan kepada “Education Circle of the Royal Empire Society” berkaitan dengan bantuan kewangan yang diberikan kepada sekolah vernakular. Menurut beliau, bantuan persekolahan untuk sekolah vernakular Cina dan Tamil harus diagihkan dengan adil. Tambahnya lagi, kelas bahasa Inggeris di sekolah berkenaan hendaklah diajar supaya pelajar dapat menguasai bahasa Inggeris. Kerajaan Tanah Melayu menyetujui saranan beliau dan peruntukan kewangan pertama diberikan kepada sekolah Tamil pada tahun 1932.⁴⁴ Pada tahun 1933, sebanyak \$63,449.32 telah disumbangkan kepada sekolah Tamil. Namun begitu, bantuan ini dikurangkan kepada \$58,154.29 pada tahun 1934.⁴⁵

Pengurangan ini adalah kerana bantuan diberi berdasarkan bilangan murid dan seorang murid hanya mendapat \$6.00.⁴⁶ Sebelum tahun 1933, pemberian bantuan kewangan adalah berdasarkan kecekapan pentadbiran sekolah dan kebolehan murid-murid sekolah berkenaan. Kerajaan juga menjelaskan bahawa bantuan kewangan ini hanya dapat ditingkatkan dari \$7 hingga \$14 bagi seorang pelajar jika sekolah tersebut mematuhi tahap piawaian yang ditetapkan.⁴⁷ Pada tahun 1935, kerajaan bersetuju untuk menambahkan peruntukan kewangan bagi memperbaiki keadaan sekolah-sekolah Tamil.⁴⁸ Ketiadaan piawaian dan keseragaman dalam pemberian peruntukan menyebabkan sekolah Tamil terutamanya sekolah Tamil estet sering menghadapi masalah dari segi pengurusan.

Selain itu, kegagalan Pelindung Buruh dalam mengawasi penyediaan sekolah bagi anak-anak buruh di ladang menyebabkan sistem pendidikan di ladang tidak menunjukkan perkembangan yang positif.⁴⁹ Kebanyakan sekolah estet tidak diurus dengan rapi dan kurang mendapat bantuan daripada pengurusan estet. Dalam hal ini, United Planters Association of Malaya (UPAM) menyuarakan sikap pengurus yang tidak mengambil berat terhadap sekolah Tamil di estet.⁵⁰ S. B. Palmer, Presiden UPAM telah menyatakan bahawa kerajaan harus memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap perkembangan sekolah Tamil dalam mesyuarat agong ke-41 yang diadakan pada 30 April 1938 seperti berikut:

“It may be stated that we are far from satisfied with questions relating to estate education and that the Association takes the view that it is the duty of government to bear more- indeed, a fairer share- of the cost of such education that it does in fact bear. For myself, I think, that the grants-in-aid system should be abolished and that government should assume financial responsibility for bearing the cost of estate education. The state foots the bill for education other

than that provided by estates; and I have never understood why that section of the community comprised in estate should have been singled out for exceptional and anomalous treatment and he expected and required to contribute direct and so largely to the cost thereof,”⁵¹

Masalah Guru

Guru yang mengajar di sekolah Tamil estet terdiri daripada 4 kategori. Pertama, guru yang menjadikan profesion perguruan sebagai kerjaya tetap walaupun mempunyai pengetahuan dalam bahasa Inggeris yang rendah dan lemah serta tidak mendapat latihan yang sempurna. Kedua, guru berpengetahuan Bahasa Inggeris dari India dan Sri Lanka yang memilih kerjaya guru sebagai peluang terakhir untuk menetap di Tanah Melayu. Ketiga, guru yang berpengetahuan Bahasa Inggeris tetapi mengajar secara sambilan. Keempat, staf ladang getah seperti kerani dan tandal yang mengajar di sekolah Tamil pada waktu lapang.⁵²

Antara golongan guru yang biasanya dipilih menjadi guru di sekolah Tamil ialah kerani estet, *prohita* kuil (Iman kuil Hindu), penoreh getah, tukang masak, posmen, kangani dan juga tandal.⁵³ Golongan ini tidak mempunyai latihan perguruan dan kelayakan yang diperlukan dan hanya membekalkan pengetahuan bahasa Tamil kepada pelajar. Masalah ini menyebabkan kebanyakan sekolah ladang tidak menunjukkan prestasi akademik yang baik. Masalah ini menjadi salah satu sebab kehadiran pelajar ke sekolah tidak memuaskan.⁵⁴

Selain masalah ini, guru terlatih yang direkrut dari India didapati harus mengikut arahan ketua kerani di estet. Hal ini kerana beliau diberi kuasa mutlak dalam hal berkaitan pengurusan ladang. Isu ini menyebabkan guru-guru sering dieksploitasi oleh ketua kerani dan kerani bawahan. Misalnya, guru dibayar gaji \$20 sebulan walaupun mereka mempunyai sijil perguruan dari India. Kebanyakan majikan estet pula didapati tidak menaikkan gaji guru walaupun tempoh perkhidmatan mereka lebih daripada 10 dan 15 tahun.

Guru terlatih juga biasanya terpaksa tunduk kepada arahan ketua kangani yang mempunyai kuasa di estet. Ada kalanya kerani turut mengambil alih kuasa kangani dan memaksa guru mengikut arahan mereka.⁵⁵ Di samping itu, ketua kerani juga melarang guru mengajar Bahasa Inggeris kepada murid di sekolah Tamil estet untuk mengekalkan kedudukan mereka. Ketiadaan penyelia untuk sekolah Tamil di peringkat daerah atau negeri menyebabkan nasib guru terlatih dari India tidak terbelah.⁵⁶ Selain menjalankan tugas sebagai guru, mereka juga dipaksa menjalankan tugas lain untuk membantu ketua kerani seperti membuat senarai pembayaran gaji buruh mengikut *check roll*. Tugas ini membebankan guru terutamanya pada penghujung bulan kerana mereka dipaksa menyiapkan senarai pembayaran gaji sebelum minggu pertama setiap bulan.⁵⁷ Hal ini membebankan kehidupan mereka di ladang dan seterusnya membuat keputusan untuk berpindah ke kawasan bandar ataupun pulang ke India.⁵⁸

Buku Teks

Kebanyakan sekolah Tamil menggunakan buku teks dari India dan Sri Lanka kerana kekurangan para ilmuwan tempatan dalam menghasilkan buku teks Tamil. Guru-guru dikehendaki membeli buku teks tersebut dengan menggunakan sumber kewangan sendiri. Kebanyakan guru tidak dapat berbuat demikian disebabkan gaji mereka yang rendah. Ada kalanya guru-guru terpaksa menterjemah buku teks Bahasa Inggeris ke Bahasa Tamil bagi kegunaan di bilik darjah. Dalam isu ini, guru yang tidak

mahir dalam Bahasa Inggeris menghadapi masalah dalam penterjemahan dan pengajaran.⁵⁹ Masalah ini menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Guru juga menghadapi kesulitan dalam menyediakan anak murid mereka bagi menduduki peperiksaan.

Kemudahan

Bangunan yang digunakan sebagai sekolah tidak disediakan dengan kemudahan yang selesa. Di sekolah estet, murid-murid terpaksa duduk di atas lantai semasa belajar tanpa buku tulis, buku teks dan papan hitam yang sempurna. Pengudaraan bilik darjah adalah tidak sihat dan sentiasa berdebu. Pelajar terpaksa menggunakan kemudahan tandas yang digunakan oleh pemilik bangunan bersama dengan penyewa yang lain. Kebiasaannya mereka menggunakan lorong belakang sekolah sebagai tandas.⁶⁰ Masalah yang dihadapi oleh sekolah Tamil estet ini menyebabkan bantuan Ejen Kerajaan India sering diperlukan untuk menangani masalah pendidikan Tamil.

Peranan Ejen Kerajaan India dalam Kemajuan Pendidikan Tamil

Kemajuan Pendidikan Tamil Sewaktu Perkhidmatan Ejen Pertama – Arulanandam Pillai

Rao Sahib Arulanandam Pillai mula bertugas sebagai Ejen Kerajaan India di Tanah Melayu pada bulan September 1923. Dalam hal pendidikan, beliau menggesa majikan mematuhi provisi Kod Buruh 1923 bagi membuka sekolah untuk anak-anak buruh yang melebihi 10 orang.⁶¹ Bagi menyelidik status pengamalan perkara ini, beliau menjalankan pemeriksaan di kebanyakan estet di Tanah Melayu. Hasil lawatan beliau menyebabkan jumlah sekolah Tamil estet di setiap daerah atau negeri menunjukkan peningkatan. Berikut merupakan data yang diberikan oleh Arulanandam yang menunjukkan bilangan sekolah Tamil pada tahun 1925 dan 1926.

Jadual 3: Bilangan sekolah Tamil di Tanah Melayu pada tahun 1925 dan 1926

Kawasan	Jumlah Sekolah	
	1925	1926
Provinsi Wellesley	21	27
Dindings		
Melaka	-	26
Singapura	-	3
Perak	108	126
Selangor	59	63
Negeri Sembilan	58	66
Pahang	-	6

Sumber: *Annual Report of Agent of the Government of India in British Malaya for the Year 1926*, Calcutta: Government of India, Central Publication Branch, 1927, hlm. 14.

Data seperti yang tertera dalam jadual di atas yang diberikan oleh Arulanandam penting untuk menganalisis kawasan taburan masyarakat India terutamanya golongan dalam lingkungan umur persekolahan. Misalnya, pemerhatian beliau menunjukkan Perak mempunyai sekolah Tamil yang banyak dan juga bilangan kanak-kanak India yang ramai terdapat di negeri tersebut. Buktinya, bilangan sekolah Tamil di Perak meningkat secara drastik dari 108 pada tahun 1925 kepada 126 buah pada tahun berikutnya.⁶²

Dengan mengetahui kawasan di mana taburan masyarakat India adalah rendah, Arulanandam mengenal pasti kawasan yang mempunyai masalah pendidikan Tamil. Hasil pemerhatian beliau ini juga memberikan panduan asas kepada ejen-ejen lain untuk fokus kepada kawasan yang memerlukan bantuan khusus ejen dalam isu pendidikan Tamil. Selain itu, lawatan berkala beliau juga menjadi salah satu sebab majikan menubuhkan sekolah bagi anak-anak buruh bagi mengelakkan daripada dilaporkan kepada Pelindung Buruh.

Namun begitu, semasa tempoh perkhidmatan Arulanandam, didapati sekolah-sekolah Tamil di estet ditubuhkan hanya semata-mata untuk mematuhi Kod Buruh. Arulanandam mendapati majikan memilih guru dalam kalangan kangani atau mandor yang tidak berpengalaman dan terlatih dalam bidang pengajaran.⁶³ Oleh itu, pengajaran tidak dijalankan secara konsisten dan kadar kehadiran pelajar pula sangat rendah. Perkara ini menyebabkan Arulanandam mencadangkan kepada British supaya merekrut guru-guru terlatih dalam pendidikan asas melalui Pegawai Emigrasi Tanah Melayu di Madras dan Nagapatnam dengan gaji \$35 hingga \$40 sebulan berserta tempat penginapan.⁶⁴

Cadangan Arulanandam dalam merekrut guru terlatih dipertimbangkan oleh Pelindung Buruh. Bagi melaksanakan perkara tersebut, seorang pegawai khas iaitu Duckworth, M.C.S. dilantik dan ditugaskan untuk menjalankan penyelidikan mengenai status sekolah estet.⁶⁵ Laporan beliau telah dihantar kepada pihak berkuasa pada tahun 1927 untuk mengambil langkah yang bernas bagi memperbaiki keadaan sekolah Tamil estet.⁶⁶ Selain itu, Arulanandam juga mengambil usaha untuk memperbaiki bangunan sekolah estet. Atas usaha dan cadangan Arulanandam, beberapa estet besar menubuhkan sekolah Tamil di bangunan yang berasingan. Namun begitu, kebanyakan estet tidak dapat melaksanakan usaha ini dan terus mengendalikan sekolah di pondok kecil.⁶⁷

Kemajuan Pendidikan Tamil Sewaktu Perkhidmatan Ejen Kedua – Subbayya Naidu

Sewaktu tempoh perkhidmatan Ejen Subbayaa iaitu dari September 1926, bilangan sekolah dan jumlah murid sekolah Tamil estet yang berumur 7 hingga 14 tahun menunjukkan peningkatan tetapi tidak ada perubahan dalam kemudahan sekolah dan kualiti pengajaran.⁶⁸ Namun begitu, hasil pemerhatian dan perbincangan dengan pegawai atasan, Subbayya mencatatkan inisiatif Jabatan Buruh dalam mengembangkan sekolah estet di beberapa negeri. Misalnya, berdasarkan laporan Duckworth, *Tamil Education Code* bagi NNS dan NNMB telah dirangka oleh Pengarah Pendidikan dengan kerjasama Pelindung Buruh.⁶⁹ Menerusi kod ini beberapa pegawai khas sekolah Tamil telah dilantik menjadi nazir atau Inspektor bagi sekolah Tamil. Namun begitu, pelantikan bagi sekolah Tamil masih tidak dilakukan oleh kerajaan.⁷⁰ Dalam hal ini, Subbayya menggesa kerajaan meningkatkan usaha bagi mengatasi masalah sekolah Tamil.⁷¹

Desakan berterusan daripada Subbayya dalam meningkatkan kualiti guru di

sekolah estet menyebabkan kerajaan telah menempatkan guru terlatih di beberapa sekolah vernakular.⁷² Selain itu, usaha Subbaya dalam menempatkan guru terlatih dapat dikenal pasti apabila kerajaan mempertimbangkan skim latihan guru vernakular Tamil tempatan. Namun begitu, Subbaya mendapati usaha melatih guru tempatan adalah cadangan yang tidak bernas dan mencadangkan kerajaan untuk meluaskan proses rekrut guru dari India selatan menerusi Pegawai Emigrasi Tanah Melayu di Madras dan Nagapatnam.⁷³ Dalam hal ini Subbaya kluatir kerana kekurangan calon pelajar yang layak menjadi guru akan menggagalkan skim tersebut. Skim tersebut juga memerlukan kos yang besar dan melewati penempatan guru di sekolah-sekolah estet.

Namun begitu, cadangan Subbaya ini tidak diambil serius oleh kerajaan pada ketika itu. Beliau tidak berputus asa dan terus menyatakan pendapatnya bahawa pengenalan *Tamil Education Code* dan penetapan guru berkualiti adalah penting bagi meningkatkan standard pendidikan anak-anak buruh.⁷⁴ Oleh itu, beliau menjalankan pemeriksaan di beberapa estet untuk meneliti kadar pelaksanaan dasar tersebut. Daripada pemerhatian beliau didapati kebanyakan sekolah estet tidak berdaftar dan diiktiraf oleh Jabatan Pendidikan. Oleh itu, beliau mendesak pihak estet untuk mendaftarkan sekolah bagi menjalankan sistem persekolahan yang setaraf dan efektif.⁷⁵ Pada tahun 1929 pula, Subbaya turut mengadakan perbincangan dengan kerajaan Tanah Melayu berhubung dengan isu penubuhan sekolah vernakular Tamil di bandar dan di kawasan yang mempunyai populasi buruh India dan komuniti India lain. Dalam hal ini, beliau meminta sokongan daripada komuniti India dalam penubuhan sekolah dan perkembangan sekolah Tamil di Tanah Melayu.⁷⁶

Kemajuan Pendidikan Tamil Sewaktu Perkhidmatan Ejen Ketiga – Kunhiraman Nair

Kunhiraman menjadi ejen ketiga pada tahun 1930. Beliau mendapati penubuhan sekolah Tamil terus meningkat tetapi mutu pendidikan tidak menunjukkan sebarang kemajuan. Salah satu sebabnya adalah kekurangan pengetahuan dalam kalangan guru (kangani dan mandor). Menerusi pemerhatian, beliau melihat bahawa kebanyakan kangani tidak mahir dalam bahasa vernakular mereka sendiri.⁷⁷

Walau bagaimanapun, sepanjang perkhidmatan sebagai ejen India, Kunhiraman dilihat sangat kurang mengusul cadangan bagi kemajuan sekolah Tamil. Beliau hanya mencadangkan perkara yang diutarakan oleh Arulanandam dan Subbaya. Hal ini mungkin kerana beliau berpendapat cadangan ejen-ejen tersebut harus diambil kira terlebih dahulu sebelum idea baharu dicadangkan. Namun, Kunhiraman tetap merekodkan masalah yang dihadapi oleh sekolah Tamil menerusi pemerhatian. Misalnya, beliau mendedahkan kebanyakan sekolah tidak mendapat *grant-in-aid* daripada kerajaan kerana sekolah tersebut tidak berdaftar. Hasilnya beberapa majikan estet telah bertindak untuk mendaftarkan sekolah estet di Jabatan Pendidikan.⁷⁸ Menerusi pemerhatian beliau juga mendapati beberapa estet besar mengendalikan sekolah dengan kemudahan lengkap.⁷⁹

Kunhiraman secara rasionalnya menyatakan bahawa majikan tidak boleh lagi diharapkan bagi menyediakan prasarana sekolah yang baik memandangkan ekonomi negara mula terancam oleh Kemelesetan Dunia.⁸⁰ Beliau menegaskan bahawa kebanyakan ladang getah menghadapi masalah kewangan dan isu pendidikan anak buruh tidak wajar menjadi aspek utama untuk diperbaiki.⁸¹ Namun begitu, Kunhiraman berharap standard guru dikaji dan diperbaiki setelah keadaan ekonomi kembali pulih.⁸²

Kemajuan Pendidikan Tamil Sewaktu Perkhidmatan Ejen Keempat – K.A. Mukundan

Mukundan telah menjadi Ejen Kerajaan India mulai tahun 1933. Beberapa masalah telah dikenal pasti dalam tempoh perkhidmatan beliau. Misalnya, jawatan nazir dibiarkan kosong pada tahun 1933 setelah nazir sebelumnya meninggal dunia.⁸³ Selain itu, Mukundan merupakan seorang ejen yang turut prihatin terhadap kebajikan buruh India yang bekerja di Jabatan Kerajaan.⁸⁴ Perkara ini dibuktikan apabila beliau menyatakan masalah kekurangan sekolah vernakular Tamil di bandar. Tambahan lagi, beliau mengkritik pengenalan bayaran tetap sebanyak \$6 bagi setiap pelajar oleh kerajaan NNMB. Beliau berpendapat pengenalan dasar ini mulai 1 Januari 1934 membantutkan perkembangan pendidikan vernakular India.⁸⁵

Beliau juga menjelaskan kebanyakan anak-anak buruh India yang tidak dapat enrol di sekolah yang terdapat di bandar pada tahun 1936.⁸⁶ Tambahan lagi, beliau berpendapat golongan anak-anak pekerja Jabatan Kerajaan dan Jabatan-jabatan Perbadanan Awam sering terpinggir dalam perkembangan pendidikan dan meminta kerajaan mempertimbangkan penyediaan kemudahan persekolahan untuk mereka. Dalam hal ini beliau turut meminta bantuan badan koperasi India di bandar dan sokongan kerajaan negeri dalam memberikan peluang dan kemudahan pendidikan kepada anak-anak India di bandar.⁸⁷

Beliau turut mengajukan masalah kekurangan sekolah Tamil kerajaan di Negeri-negeri Selat dan NNMTB. Selain itu, beliau melaporkan kepada Pelindung Buruh bahawa hanya terdapat 13 buah sekolah Tamil kerajaan di seluruh Negeri-negeri Melayu Bersekutu.⁸⁸ Hasilnya, Pelindung Buruh bersetuju untuk mendapatkan banci pelajar yang layak memasuki sekolah agar Jabatan Pendidikan dapat menyediakan prasarana yang diperlukan. Selain itu, Kerajaan Tanah Melayu juga telah meningkatkan geran bagi pelajar dan mengambil keputusan untuk menetapkan nazir Eropah bagi sekolah Tamil.⁸⁹ Dalam hal ini, Mukundan telah membawa masalah pendidikan anak-anak buruh India kepada pegawai atasan dan bejaya mendapatkan penyelesaian yang baik. Beliau juga berpendapat bahawa pendidikan tidak harus diselia sepenuhnya oleh pihak swasta.⁹⁰ Selain itu, sekolah Tamil pertama di petempatan Chuah iaitu Mukundan Pathasala (sekolah Mukundan) yang ditubuhkan menggunakan nama beliau sebagai tanda penghargaan kepada beliau dan peranannya dalam pembukaan petempatan tersebut.

Tambahan lagi, Mukundan mencadangkan kepada kerajaan Tanah Melayu agar membayar gaji yang sewajarnya kepada guru berdasarkan kelulusan dan taraf pendidikan. Dengan cara ini, ejen tersebut melihat mutu pengajaran guru dapat ditingkatkan sekali gus prestasi pelajar turut terpelihara.⁹¹ Selain itu, beliau turut mencadangkan kepada kerajaan untuk merekrut guru dalam kalangan pemuda tempatan dengan memberikan mereka latihan perguruan yang lengkap.⁹² Bagi menjayakan cadangan ini, Mukundan telah mengusul pemberian peruntukan kewangan sebanyak \$1000 pada tahun 1937 kepada kerajaan untuk memulakan latihan perguruan bagi meningkatkan bilangan guru terlatih bagi sekolah Tamil. Kerajaan menyetujui usul tersebut dan memberikan latihan perguruan kepada guru-guru Tamil yang mengajar di ladang atau di bandar dan bagi mereka yang bakal menjadi guru. Bagi tujuan tersebut, seramai 38 orang guru lelaki dan 4 orang guru perempuan telah diberi latihan. Latihan perguruan tersebut telah dimulakan pada 3 April 1937 Sekolah Tamil di Jalan Loke Yew.⁹³ Kelas pula dijalankan pada setiap hari Sabtu dari pukul 8 pagi sehingga 1 tengah hari.

Pegawai yang ditugaskan untuk menjadi tenaga pengajar ialah Penolong Penyelia sekolah Tamil iaitu K. V. S. Gargar dan K. Kandaiyah dari Victoria

Institution dan Navaratham dari Methodist Boys School.⁹⁴ Mata pelajaran yang diajar adalah Kesusasteraan Tamil, Matematik, Geografi, Pendidikan Jasmani, Seni Lukis, Kesihatan dan Perkebunan.⁹⁵ Latihan sebegini dijalankan selama 2 tahun dan selepas tamat pengajian, guru pelatih ditempatkan di sekolah yang memerlukan perkhidmatan mereka. Cadangan Mukundan ini mendapat perhatian dan kelas latihan seperti ini mula dimulakan di Negeri Sembilan.

Beliau turut mengetengahkan unsur bias dalam penawaran pendidikan tinggi kepada anak-anak India. Beliau merupakan ejen pertama yang menyentuh ini dan meminta dasar pendidikan yang setaraf dengan pelajar Melayu dan Cina ditawarkan kepada pelajar sekolah Tamil. Misalnya, Mukundan menyatakan pelajar lelaki India tidak dapat melanjutkan pelajaran di ke Kolej Raffles berikutan bayaran yuran yang tinggi.⁹⁶ Selain itu, beliau mengkritik kemasukan terhad Kolej Perubatan Singapura dan peluang pendidikan Inggeris yang hanya dihadkan kepada pelajar Melayu dan etnik lain yang berasal daripada golongan bukan buruh. Mukundan turut menjalankan siasatan dalam isu pendidikan kerana beliau melihat langkah kerajaan memperkenalkan Sekolah Teknik hanya terbuka kepada pelajar Melayu.⁹⁷

Mukundan menjelaskan peluang pendidikan tinggi bagi pelajar India adalah *nil* setakat tahun 1937.⁹⁸ Beliau melihat isu ini harus diselesaikan kerana beliau berpendapat komuniti India yang progresif hanya dapat diwujudkan melalui pendidikan tinggi. Oleh itu, beliau meminta kerajaan membuka kemasukan tahunan kepada golongan bukan Melayu yang berkelayakan di institusi-institusi pendidikan tinggi.⁹⁹ Permintaan beliau menjadi salah satu sebab Kerajaan NNMB mengambil keputusan untuk menawarkan 4 pertandingan biasiswa terbuka kepada komuniti bukan Melayu bagi melanjutkan pelajaran di Sekolah Pertanian Serdang.¹⁰⁰ Selain itu, 2 pelajar India berjaya mendapatkan biasiswa bagi melanjutkan pelajaran di Annamalai University, India.¹⁰¹ Wajar dikatakan bahawa kejayaan Mukundan lebih terserlah daripada ejen-ejen lain terutamanya dalam mendapatkan peluang pendidikan tinggi bagi pelajar India di Tanah Melayu. Dalam hal ini, Mukundan melihat kedudukan masa hadapan anak-anak buruh di Tanah Melayu hanya dapat ditingkatkan dengan pendidikan yang bertaraf tinggi.

Di samping Kolej Perguruan Melayu dan Kolej Raffles yang melatih guru Melayu dan Cina secara profesional, kelas latihan yang dicadangkan oleh Mukundan dilihat sebagai langkah pertama yang dijalankan di Tanah Melayu untuk meningkatkan mutu sekolah vernakular Tamil.¹⁰² Pada tahun 1937, kerajaan British telah menubuhkan dan melaksanakan pendidikan vokasional kepada pelajar tempatan. Dari 223 tempat yang diperuntukkan, 7 pelajar India berjaya mendapat tempat dalam sekolah vokasional tersebut.¹⁰³ Walaupun kemasukan pelajar India adalah rendah namun usaha Mukundan dalam memajukan taraf pendidikan pelajar India tetap dapat dilihat menerusi usaha beliau.

Selain itu, Kerajaan NNMB turut bersetuju dengan pemberian 5 biasiswa secara tahunan kepada komuniti bukan Melayu untuk melanjutkan pelajaran di Kolej Raffles, Singapura pada tahun 1938. Syaratnya ialah pemohon biasiswa tersebut harus lahir di Tanah Melayu dan mempunyai pendidikan awal sekurang-kurangnya 5 tahun sebelum menduduki *School Certificate Examination* di NNMB.¹⁰⁴ Dalam hal ini, Mukundan sekali lagi berjaya memainkan peranan penting dalam memastikan latihan diberikan kepada guru-guru sekolah Tamil agar dapat menghasilkan guru yang berkualiti dan murid yang cemerlang.

Kemajuan Pendidikan Tamil Sewaktu Perkhidmatan Ejen Kelima – Venkatachar

Venkatachar menjadi Ejen Kerajaan India kelima bagi Tanah Melayu pada September 1937. Setelah meneliti ketiadaan sekolah kerajaan di NNS, beliau mencadangkan kepada kerajaan NNS untuk menubuhkan sekolah kerajaan di Pulau Pinang, Melaka dan Singapura.¹⁰⁵ Beliau berpendapat ini merupakan tanggungjawab kerajaan dalam memberikan pendidikan yang sempurna kepada penduduk Tanah Melayu tanpa mengira bahasa, bangsa, agama dan warna kulit. Namun, cadangan beliau tidak diberi perhatian yang sewajarnya oleh kerajaan NNS. Venkatachar melihat kesamarataan dalam peluang pendidikan adalah penting bagi melahirkan warga yang berpotensi.¹⁰⁶

Selain itu, beliau mendapati terdapat kekurangan yang serius dalam kalangan guru terlatih bagi sekolah estet.¹⁰⁷ Hal ini disebabkan terdapat ramai guru terlatih yang tidak tertarik untuk bekerja di sekolah estet dan hanya bekerja secara sambilan di pejabat estet.¹⁰⁸ Masalah ini menyebabkan kerani, konduktor dan kangani masih menjadi guru di kebanyakan sekolah estet. Venkatachar mendedahkan masalah tersebut bagi membolehkan Jabatan Pendidikan mengambil jalan penyelesaian yang baik. Hasilnya, Pengarah Jabatan Pendidikan tampil ke hadapan bagi menjelaskan sebab kekurangan guru terlatih di sekolah estet. Menurut beliau, guru mempunyai tanggapan bahawa pekerjaan sebagai guru sekolah estet tidak menawarkan prospek kerjaya yang baik.¹⁰⁹ Malah, upah penoreh getah adalah tinggi daripada gaji guru di estet kecil. Dalam situasi sebegini, guru-guru menyatakan bahawa mereka tidak dapat mengekalkan kehidupan standard minimum dan kurang dihormati oleh komuniti buruh.¹¹⁰

Semasa merasmikan sekolah Tamil di Batu 3, Klang pada 3 Mei 1938, Venkatachar menyatakan bahawa hanya 23,464 orang kanak-kanak belajar di sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan swasta (termasuk di ladang). Beliau menyatakan lagi bahawa 60% daripada kanak-kanak India tidak dihantar ke sekolah.¹¹¹ Data yang disertakan oleh Venkatachar ini penting untuk menjelaskan status pendidikan pelajar India di Tanah Melayu. Beliau turut mengkaji laporan Pengarah Jabatan Pendidikan mengenai perkembangan sekolah vernakular India di Tanah Melayu iaitu pada tahun 1939. Beliau merekodkan terdapatnya 628 buah sekolah vernakular India dengan jumlah pelajar sebanyak 27,539 orang.¹¹² Dalam pada itu, Venkatachar melihat bahawa warga India mula menghargai kepentingan pendidikan dan permintaan bagi kemudahan pendidikan semakin meningkat dalam kalangan warga India pada tahun 1940.¹¹³

Selain itu, beliau turut menjadi ahli CIAM dan menjadi salah satu panel pemilihan pelajar bagi melanjutkan pelajaran di Universiti Mysore dan Punjab.¹¹⁴ Namun, dilihat bahawa peranan Venkatachar dalam perkembangan pendidikan Tamil adalah tidak ektensif. Hal ini sebab beliau lebih berfokus kepada masalah pembayaran upah dan lebih menumpukan perhatian dalam menyelesaikan beberapa mogok berkaitan masalah pembayaran upah.

Kemajuan Pendidikan Tamil Sewaktu Perkhidmatan Ejen Kelima – Subimal Dutt

Subimal Dutt menjadi Ejen Kerajaan India bagi Tanah Melayu yang terakhir pada tahun 1941. Walaupun beliau pernah berkhidmat di Jabatan Pelajaran di India, beliau tidak dapat menjalankan pemerhatian berkala di estet dan di kawasan lain oleh

sebab Perang Dunia Kedua.¹¹⁵ Walaupun begitu, beliau tetap mengadakan perjumpaan dengan golongan berpendidikan dan sering memberi ceramah kepada buruh India. Beliau menekankan warga India yang berpendidikan harus menjaga kebajikan buruh India yang tidak berpendidikan.¹¹⁶

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan, dapat diketahui bahawa isu pendidikan Tamil tidak mendapat perhatian yang sewajarnya daripada kerajaan dan juga kurang dipandang serius oleh buruh India. Dalam hal ini, bantuan Ejen Kerajaan India dalam memperjuangkan isu pendidikan Tamil dan sekolah Tamil adalah sangat diperlukan pada ketika itu.

Arulanandam, Ejen Kerajaan India pertama, memainkan peranannya dalam memantau beberapa estet mengenai tahap pelaksanaan Kod Buruh 1923 dalam penubuhan sekolah Tamil. Pemerhatian beliau menyebabkan ramai majikan ladang getah menubuhkan sekolah bagi anak buruh India. Tambahan lagi, data mengenai bilangan sekolah Tamil yang diberikan oleh Arulanandam dalam laporannya membantu dalam mengesan tahap perkembangan sekolah Tamil. Beliau turut mencadangkan kepada kerajaan untuk merekut guru dari India untuk menghasilkan pelajar yang berkualiti. Usaha beliau merintis kepada pemberian bantuan kewangan dan penyeliaan awal kerajaan bagi sekolah Tamil estet.

Ejen kedua, Subbayya pula mencadangkan kepada kerajaan untuk menggunakan guru India yang terdapat di Tanah Melayu sebagai guru sekolah vernakular. Tambahan lagi, menerusi pemerhatian beliau didapati kebanyakan sekolah estet tidak berdaftar dan tidak diiktiraf oleh Jabatan Pendidikan. Beliau seterusnya menggesa kerajaan menyelidik perkara ini. Subbayya juga mengusul penubuhan sekolah vernakular India di kawasan bandar dan di kawasan yang terdapat populasi komuniti India. Kunhiraman sebagai ejen ketiga mencatatkan pendapatnya bahawa isu pendidikan bukan merupakan masalah serius dalam era kemelesetan ekonomi. Namun begitu, beliau tetap menjalankan tugasnya dan mendapati kebanyakan sekolah estet tidak mendapat geran kerana tidak berdaftar dengan kerajaan.

Seterusnya, Mukundan, Ejen Kerajaan keempat, menitikberatkan kemajuan pendidikan Tamil di kawasan bandar dan bagi anak-anak pekerja Jabatan Kerajaan. Selain itu, beliau turut membawa masalah kekurangan sekolah Tamil kerajaan di NNS dan NNMTB kepada Pelindung Buruh. Desakan yang berterusan menyebabkan kerajaan meningkatkan geran pelajar dan mempercepatkan pelantikan nazir bagi sekolah Tamil estet. Selain itu, beliau juga mencadangkan peningkatan gaji guru dan pemilihan guru dari kalangan pemuda tempatan. Hasilnya, latihan perguruan bagi guru Tamil pertama dijalankan dalam tempoh perkhidmatan beliau. Mukundan juga mengambil berat terhadap kemajuan pelajar India ke tahap pendidikan tinggi.

Venkatachar, Ejen Kerajaan India kelima telah memainkan peranan dalam menyoal ketiadaan sekolah kerajaan dan kekurangan guru di sekolah Tamil estet. Selain itu, beliau turut menjadi ahli dalam panel pemilihan pelajar ke universiti luar negara. Ejen terakhir, Subimal juga dapat memberikan perkhidmatannya dalam menyelesaikan isu pendidikan Tamil berikutan Perang Dunia Kedua. Namun begitu, beliau telah mengadakan ceramah dan menyebarkan kepentingan pendidikan kepada warga India di Tanah Melayu pada tahun 1941.

Secara keseluruhannya, artikel ini membuktikan bahawa walaupun terdapat pelbagai halangan bagi merealisasikan hasrat mereka, Ejen Kerajaan India tetap cenderung dalam membantu meningkatkan kemajuan pendidikan buruh India dari tahun 1922 hingga 1942.

Lampiran

Rajah 1: Ejen Kerajaan India Pertama, Rao Sahib (Rao Bahadur) D. Arulanandam Pillai



Sumber: <http://pagasalai.50megs.com/foreword.htm> (22.09.2019)

Rajah 1: Ejen Kerajaan India Kedua, Rao Sahib (Diwan Bahadur) R. Subbayya Naidu



Sumber: *The Straits Times*, 10 Disember 1933, hlm. 10.

Rajah 3: Ejen Kerajaan India Ketiga, Rao Bahadur K. A Kunhiraman Nair



Sumber: *The Straits Times*, 10 Disember 1933, hlm. 10.

Rajah 4: Ejen Kerajaan India Keempat, Rao Sahib K.A Mukundan



Sumber: *The Straits Times*, 10 Disember 1933, hlm. 10.

Rajah 5: Ejen Kerajaan India, Kelima C.S Venkatachar



Sumber: <https://open.library.ubc.ca/collections/arphotos/items/1.0028114> (22.09.2019)

Rajah 6: Ejen Kerajaan India Keenam, S. Dutt



Sumber: *The Straits Times*, 8 Julai 1941, hlm. 11.

Nota

* M. Utaman a/l Raman merupakan Calon Ph.D dari Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

** Dr. Sivachandralingam Sundara Raja merupakan Profesor Madya di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

¹*Tamil Nesan*, 14 Jun 1939, hlm. 39.

² *Thinnai Palli* adalah sekolah berasaskan konsep sekolah pondok (*coridor school*). Rujuk Sivachandralingam Sundara Raja, "A Short History of Tamil Schools in Malaya/Malaysia", Dipetik dari <http://www.grfdt.com/PublicationDetails.aspx?Type=Articles&TabId=7051>. Diakses pada 4 September 2019.

³ Saraswathi Chillian, "Perkembangan Pendidikan Tamil di Selangor Sebelum Merdeka", Disertasi M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, hlm. 34.

- ⁴ Ibid. *Stylus* adalah sebatang besi yang tajam dan panjang seakan-akan sebatang pencil digunakan untuk menulis di atas daun lontar.
- ⁵ Ibid.
- ⁶ D.D. Chelliah, *A History of the Educational Policy of the Straits Settlements with Recommendations for a New System Based on Vernaculars*, Singapore: G.H. Kiat, 1960, hlm. 42.
- ⁷ Arasaratnam Sinnappah, *Indians in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979, hlm. 178.
- ⁸ Ibid.
- ⁹ Ibid., hlm. 179.
- ¹⁰ Sivachandralingam Sundara Raja, "A Short History of Tamil Schools in Malaya/Malaysia".
- ¹¹ Ibid.
- ¹² S.A. Danapaul, *Tamil Education in West Malaysia and Singapore 1860-1970*, Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 1972, hlm. 37. Kod Pendidikan 1874 dirangka untuk memenuhi permintaan pendidikan tempatan di Tanah Melayu dan digubal sejurus selepas cadangan Gabenor untuk menempatkan *Federal Inspector of Schools* bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Antara intipati Kod Pendidikan 1899 adalah menyediakan geran berdasarkan tahap efisien sekolah dan bukan berasaskan pelajar, menggalakkan badan mubaligh dan dermawan dalam membantu meningkatkan pendidikan di sekolah Inggeris berdasarkan geran pemeriksaan liberal dan geran bangunan, memberi penekanan kepada pengajaran Inggeris, mewajibkan pembelajaran kosa kata dan penulisan Inggeris, penulisan dan pengiraan serta penubuhan *grants-to-aid* untuk membantu penyediaan guru dan murid serta bagi menggalakkan dan menyediakan pelajar lelaki Melayu bagi peperiksaan Sijil Sekolah Cambridge. Rujuk <http://www.melta.org.my/index.php/11-melta-articles/128-english-language-teaching-in-malaysia-a-historical-account>. Diakses pada 4 September 2019.
- ¹³ Danapaul, *Tamil Education in West Malaysia and Singapore*, hlm. 38.
- ¹⁴ Sivachandralingam Sundara Raja, "A Short History of Tamil Schools in Malaya/Malaysia".
- ¹⁵ Philip Loh Fook Seng, *Seeds of Separatism: Educational Policy in Malaya 1874-1940*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 44.
- ¹⁶ Ibid.
- ¹⁷ Ibid.
- ¹⁸ Cynthia Joseph, "Ethnicities and Education in Malaysia: Difference, Inclusions and Exclusions", dalam Guofang Wan, ed., *The Education of Diverse Student Populations: A Global Perspectives*, New York: Springer, 2008, hlm. 199 dan Hua Wu Yin, *Class and Communalism in Malaysia: Politics in a Dependent Capitalist State*, London: Zed Press, 1983, hlm. 60.
- ¹⁹ Ibid. hlm. 45.
- ²⁰ Philip Loh Fook Seng, *Seeds of Separatism: Educational Policy in Malaya 1874-1940*, hlm. 44.
- ²¹ Kebanyakan penyelidikan berkaitan buruh India di Tanah Melayu dilihat banyak memfokuskan kepada sektor perladangan yang juga ditekankan dalam penyelidikan ini. Namun begitu, buruh India turut terlibat dalam sektor lain seperti kerja air (Public Work Department) di beberapa negeri seperti di negeri Kedah dan Perlis. Sila rujuk: Mohd Firdaus Abdullah, Arba'iyah Mohd Noor, "The 20th Century Domestic Water Supply In Alor Setar, Kedah," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics, & Strategic Studies*, Vol. 46 (2), Disember 2019, hlm. 240-271.
- ²² Ibid.
- ²³ Ibid.
- ²⁴ Ibid.
- ²⁵ Sel. Sec. B.R.O 1903, 7130/01, Taj: Tamil Vernacular Education.
- ²⁶ *Malaya Tribune*, 7 April 1924, hlm. 3.
- ²⁷ Ibid.
- ²⁸ *Malaya Tribune*, 30 September 1935, hlm. 12.
- ²⁹ *Tamil Nesan*, 20 September 1940, hlm. 3.
- ³⁰ Ibid.
- ³¹ Santhiram Raman, *Education of Minorities: The Case of Indians in Malaysia*, hlm. 36.
- ³² Ibid.
- ³³ Ibid.
- ³⁴ Ibid., hlm. 33.
- ³⁵ Saraswathi Chillian, "Perkembangan Pendidikan Tamil di Selangor Sebelum Merdeka", hlm. 44.
- ³⁶ Ibid.
- ³⁷ Danapaul, *Tamil Education in West Malaysia and Singapore*, hlm. 21.
- ³⁸ Saraswathi Chillian, "Perkembangan Pendidikan Tamil di Selangor Sebelum Merdeka", hlm. 48.
- ³⁹ *Tamil Nesan*, 17 April 1937, hlm. 8.
- ⁴⁰ *Tamil Nesan*, 2 Februari 1937, hlm. 2.

- ⁴¹ *Tamil Nesan*, 15 Januari 1938, hlm. 2.
- ⁴² *Tamil Nesan*, 3 Mei 1937, hlm. 5.
- ⁴³ *Tamil Nesan*, 1 Ogos 1937, hlm. 1.
- ⁴⁴ Nagendralingan Ratnavadivel, *The Social Origins of the Educational System in Peninsular Malaysia*, Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007, hlm. 44.
- ⁴⁵ CO 717/117/51558, Education Report 1934.
- ⁴⁶ Ibid.
- ⁴⁷ Ibid.
- ⁴⁸ Ibid.
- ⁴⁹ Arasaratnam Sinnappah, *Indians in Malaysia and Singapore*, hlm. 179.
- ⁵⁰ Ibid.
- ⁵¹ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1932*, Delhi: Manager of Publications, 1933, hlm.17.
- ⁵² *Tamil Nesan*, 21 Januari 1937, hlm. 3.
- ⁵³ *Tamil Nesan*, 20 September 1940, hlm. 3.
- ⁵⁴ *Tamil Nesan*, 21 Januari 1937, hlm. 3.
- ⁵⁵ *Tamil Nesan*, 8 Ogos 1940, hlm. 8
- ⁵⁶ *Tamil Nesan*, 20 September 1940, hlm. 3.
- ⁵⁷ Ibid.
- ⁵⁸ Ibid.
- ⁵⁹ Ibid.
- ⁶⁰ Danapaul, *Tamil Education in West Malaysia and Singapore*, hlm. 59.
- ⁶¹ SEL.SEC: 2148/1923, School for the education of children of Indian Labour employ by Government Department.
- ⁶² Ibid.
- ⁶³ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1926*, hlm. 14.
- ⁶⁴ Ibid.
- ⁶⁵ Ibid., dan *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1927*, Culcutta: Government of India, Central Publication Branch, 1928, hlm. 14.
- ⁶⁶ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1927*, hlm. 14.
- ⁶⁷ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1926*, hlm. 14.
- ⁶⁸ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1929*, Culcutta: Government of India, Central Publication Branch, 1930, hlm. 19.
- ⁶⁹ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1928*, Culcutta: Government of India, Central Publication Branch, 1929, hlm. 19.
- ⁷⁰ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1929*, hlm. 19.
- ⁷¹ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1928*, hlm. 19.
- ⁷² Ibid.
- ⁷³ SEL.SEC: G.2182/1928, Draft Code for Tamil Schools Straits Settlements and Federated Malaya States.
- ⁷⁴ Ibid.
- ⁷⁵ Ibid.
- ⁷⁶ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1929*, hlm. 19.
- ⁷⁷ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1931*, Culcutta: Government of India, Central Publication Branch, 1932, hlm. 19.
- ⁷⁸ Ibid.
- ⁷⁹ Ibid.
- ⁸⁰ Ibid.
- ⁸¹ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1931*, hlm. 19.
- ⁸² Ibid.
- ⁸³ CO 717/119/51703, Restoration Inspection of Tamil School Post.
- ⁸⁴ Ibid.
- ⁸⁵ Ibid.
- ⁸⁶ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1936*, Delhi: Manager of Publications, 1937, hlm. 18.
- ⁸⁷ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1937*, Delhi: Manager of Publications, 1938, hlm. 11.
- ⁸⁸ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1936*, hlm. 18.
- ⁸⁹ *Ibid.Rujuk "Tamil Education in Selangor"*, The Straits Times, 1 April 1936, hlm. 8.
- ⁹⁰ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1937*, hlm. 11.
- ⁹¹ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1935*, Delhi:

Manager of Publications, 1936, hlm. 33.

⁹² Ibid., hlm. 17.

⁹³ *Tamil Nesan*, 15 April 1937, hlm. 6.

⁹⁴ Ibid.

⁹⁵ Ibid.

⁹⁶ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1936*, hlm. 18.

⁹⁷ Ibid., hlm. 19.

⁹⁸ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1937*, hlm. 11.

⁹⁹ Ibid.

¹⁰⁰ Ibid., hlm. 12.

¹⁰¹ Ibid.

¹⁰² *Tamil Nesan*, 15 April 1937, hlm. 6.

¹⁰³ *Tamil Nesan*, 16 September 1937, hlm. 4.

¹⁰⁴ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1938*, Delhi: Manager of Publications, 1939, hlm. 9.

¹⁰⁵ *Tamil Nesan*, 21 Januari 1937, hlm. 3.

¹⁰⁶ Ibid.

¹⁰⁷ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1938*, hlm. 9.

¹⁰⁸ *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1939*, Delhi: Manager of Publications, 1940, hlm. 12.

¹⁰⁹ Ibid.

¹¹⁰ Ibid.

¹¹¹ *Tamil Nesan*, 7 Mei 1938, hlm. 5

¹¹² *Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1940*, Delhi: Manager of Publications, 1941, hlm. 14.

¹¹³ Ibid., hlm. 15.

¹¹⁴ Ibid.

¹¹⁵ "Indian Agent's First Visit to Singapore: Mr. S. Dutt Interviewed", *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, 26 April 1941.

¹¹⁶ "Agent Urges Unity Among Indians In Malaya", *The Straits Times*, 16 Jun 1941.

Bibliografi

Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1926,
Culcutta: Government of India, Central Publication Branch, 1927.

Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1927,
Culcutta: Government of India, Central Publication Branch, 1928.

Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1928,
Culcutta: Government of India, Central Publication Branch, 1929.

Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1929,
Culcutta: Government of India, Central Publication Branch, 1930.

Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1930,
Culcutta: Government of India, Central Publication Branch, 1931.

Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1931,
Culcutta: Government of India, Central Publication Branch, 1932.

Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1932,
Culcutta: Government of India, Central Publication Branch, 1933.

Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1933, Calcutta: Government of India, Central Publication Branch, 1934.

Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya For The Year 1934, Delhi: Manager of Publications, 1935.

Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1935, Delhi: Manager of Publications, 1936.

Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1936, Delhi: Manager of Publications, 1937.

Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1937, Delhi: Manager of Publications, 1938.

Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1938, Delhi: Manager of Publications, 1939.

Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1939, Delhi: Manager of Publications, 1940.

Annual Report of Agent of The Government of India in British Malaya for the Year 1940, Delhi: Manager of Publications, 1941.

Arasaratnam Sinnappah, *Indians in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979.

Arkib Negara, Sel.Sec. B.R.O 1903, 7130/01, Taj: "Tamil Vernacular Education".

Arkib Negara, 1957/0226637, Sel.Sec: 2148/1923, "School for the education of children of Indian Labour employ by Government Department."

1957/0255934, Sel.Sec: G.2182/1928, "Draft Code for Tamil Schools Straits Settlements and Federated Malaya States."

CO 717/119/51703, "Restoration Inspection of Tamil School Post."

CO 717/53/14, "Education policy in Malaya".

CO 717/60/15, "Education policy in Malaya".

CO 882/11/10, Malaya: "The Colonial Education Service. Notes on the Educational Service in Malaya".

Cynthia Joseph, "Ethnicities and Education in Malaysia: Difference, Inclusions and Exclusions", dalam Guofang Wan, ed., *The Education of Diverse Student Populations: A Global Perspectives*, New York: Springer, 2008.

D.D. Chelliah, *A History Of The Educational Policy Of The Straits Settlements With Recommendations For A New System Based On Vernaculars*, Singapore: G.H,Kiat, 1960.

<http://www.melta.org.my/index.php/11-melta-articles/128-english-language-teaching-in-malaysia-a-historical-account>. Diakses pada 4 September 2019.

Hua Wu Yin, *Class and Communalism in Malaysia: Politics in a Dependent Capitalist State*, London: Zed Press, 1983.

Malaya Tribune.

Mohd Firdaus Abdullah, Arba'iyah Mohd Noor, "The 20th Century Domestic Water Supply In Alor Setar, Kedah," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics, & Strategic Studies*, Vol. 46 (2), Disember 2019, hlm. 240-271.

Nagendralingan Ratnavadivel, *The Social Origins of the Educational System in Peninsular Malaysia*, Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007.

Philip Loh Fook Seng, *Seeds of Separatism: Educational Policy in Malaya 1874-1940*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975.

S.A. Danapaul, *Tamil Education in West Malaysia and Singapore 1860-1970*, Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 1972.

Santhiram Raman, *Education Of Minorities : The Case OR Indians In Malaysia*, Petaling Jaya : CHILD, 1999.

Saraswathi Chilliah, "Perkembangan Pendidikan Tamil di Selangor Sebelum Merdeka", Disertasi M.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Sivachandralingam Sundara Raja, "A Short History of Tamil Schools in Malaya/Malaysia", Dipetik dari <http://www.grfdt.com/PublicationDetails.aspx?Type=Articles&TabId=7051>. Diakses pada 4 September 2019.

Tamil Nesan.

The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser.

The Straits Times.